



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1782

AKTA AGENSI PERSENDIRIAN (PINDAAN) 2026

Tarikh Perkenan Diraja	8 Januari 2026
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	16 Januari 2026

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1782

AKTA AGENSI PERSENDIRIAN (PINDAAN) 2026

Suatu Akta untuk meminda Akta Agensi Persendirian 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Persendirian (Pindaan) 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Agensi Persendirian 1971 [*Akta 27*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 3—

(a) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “; dan apabila mengeluarkan lesen itu atau membaharunya di bawah subseksyen (4) Menteri boleh mengenakan syarat ke atas lesen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah sah hingga 31 Disember dalam tahun kalendar yang sama atau 31 Disember dalam tahun kalendar yang berikutnya yang lesen itu dikeluarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas pengeluaran lesen itu di bawah subseksyen (2) dan lesen itu boleh diperbaharui selepas pembayaran fi yang ditetapkan.

(2B) Apabila mengeluarkan lesen itu atau memperbaharuiya di bawah subseksyen (2A), Menteri boleh mengenakan syarat ke atas lesen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Mana-mana orang yang telah dikeluarkan suatu lesen di bawah subseksyen (1) boleh memohon untuk lesen tambahan bagi pejabat cawangan agensi persendirianya untuk menjalankan perniagaan agensi persendirian jenis yang sama seperti yang telah dilesenkan kepadanya.”; dan

- (d) dengan memotong subseksyen (4).

Pemotongan seksyen 5

3. Seksyen 5 Akta ibu dipotong.

Pindaan seksyen 9

4. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis” dengan perkataan “Ketua Polis Negara”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Sesuatu agensi persendirian berlesen yang hendak mengambil seseorang bekerja hendaklah memohon suatu surat kelulusan kepada Ketua Polis Negara dan permohonan itu hendaklah mengikut bentuk dan hendaklah mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis” dengan perkataan “Ketua Polis Negara”;

(d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis” dengan perkataan “Ketua Polis Negara”; dan

(e) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis” dengan perkataan “Ketua Polis Negara”.

Pindaan seksyen 13

5. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Polis atau Ketua Pegawai Polis” dengan perkataan “Ketua Polis Negara”.

Seksyen baharu 18A

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengeluarkan arahan, garis panduan, dsb.

18A. Menteri boleh mengeluarkan apa-apa arahan, garis panduan, surat pekeliling atau notis sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.”.